Kami tidak akan melindungi kecederaan yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, secara keseluruhan atau sebahagiannya oleh mana-mana satu (1) kejadian yang berikut:

- (i) percubaan pemusnahan diri sendiri atau Kecederaan yang dilakukan sendiri sama ada waras atau tidak waras; atau
- (ii) peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan, atau operasi seperti peperangan (sama ada diisytiharkan atau tidak), pemogokan, rusuhan, gangguan awam, peperangan saudara, peperangan awam mengandaikan perkadaran atau seumpama kebangkitan, penentangan, revolusi, pemberontakan, kebangkitan bersenjata, rampasan kuasa bersenjata atau tentera, undang-undang tentera, keadaan bagi pengepungan, kegiatan pengganas atau mana-mana peristiwa atau penyebab yang menentukan perisytiharan atau penggunaan undang-undang tentera atau keadaan bagi pengepungan; atau
- (iii) perkhidmatan dalam angkatan bersenjata semasa peperangan diisytiharkan atau tidak diisytiharkan ketika di bawah arahan bagi operasi serupa peperangan atau pengembalian ketenteraman awam; atau
- (iv) memasuki, keluar, mengendalikan, atau menservis, atau diangkut melalui mana-mana alat atau pengangkutan udara melainkan apabila Orang yang Diinsuranskan adalah penumpang di dalam penerbangan penumpang komersil mengikut jadual perjalanan penumpang yang tetap di atas laluan penumpang yang lama wujud; atau
- (v) kehamilan yang termasuk istilah menggugurkan kandungan, keguguran atau komplikasi; atau
- (vi) penyertaan dalam mana-mana jenis pertandingan laju (kecuali perlumbaan kaki), memburu, mendaki gunung yang memerlukan tali dan panduan, aktiviti dalam air, terjunan udara, terjun payung, dan/atau sukan profesional; atau
- (vii) tindak balas tenaga nuklear, radiasi dan pencemaran; atau
- (viii) Kejadian Kemalangan secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan penggunaan senjata atom, biologi atau kimia serta agen atau bahan perang radioaktif, biologi atau kimia.

Penyakit Kritikal Tambahan / Penyakit Kritikal Dipercepatkan

Kami tidak akan melindungi:

- (i) sebarang Penyakit Kritikal yang pertama kalinya muncul sebelum atau semasa Tempoh Menunggu; atau
- (ii) sebarang Penyakit Kritikal yang timbul secara langsung atau tidak langsung daripada Keadaan Sedia Ada; atau
- (iii) sebarang Penyakit atau pembedahan selain daripada diagnosis atau pembedahan untuk Penyakit Kritikal; atau
- (iv) sebarang Penyakit Kritikal itu, di mana pada pendapat Kami, disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) atau kewujudan jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV). Kami berhak meminta Ahli yang Diinsuranskan untuk menjalani ujian darah untuk Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) sebagai syarat terdahulu sebelum menerima sebarang tuntutan. Pengecualian ini adalah tidak digunapakai apabila Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) berlaku akibat Transfusi Darah atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) Dijangkiti Melalui Pekerjaan. Untuk tujuan Kontrak Tambahan ini,

- a) definisi Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 1987, atau apa-apa semakan selanjutnya oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) terhadap definisi tersebut;
- b) jangkitan hendaklah dianggap telah berlaku di mana pada pendapat Kami, ujian darah atau sebarang ujian lain yang berkaitan menunjukkan kewujudan sama ada Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau antibodi terhadap virus seperti itu.
- (v) sebarang Penyakit Kritikal yang didiagnosis disebabkan, secara langsung atau tidak langsung, oleh kecacatan atau Penyakit kongenital yang telah timbul atau didiagnosis sebelum Ahli yang Diinsuranskan mencapai umur tujuh belas (17) tahun; atau
- (vi) sebarang Penyakit Kritikal akibat Kecederaan yang disengajakan ketika waras atau tidak waras; atau
- (vii) sebarang Penyakit Kritikal secara langsung disebabkan oleh penyalahgunaan alkohol atau dadah; atau
- (viii) untuk Penyakit Kritikal Tambahan, Ahli yang Diinsuranskan tidak hidup sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari selepas diagnosis Penyakit Kritikal.

Penghospitalan dan Pembedahan Berkelompok

Kami tidak akan membayar sebarang manfaat kecuali Manfaat Perbelanjaan Pengkebumian yang disebabkan atau dipercepatkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya oleh yang berikut:

- (i) Keadaan Sedia Ada yang berlaku dalam Tempoh Menunggu, sama ada didedahkan kepada Kami atau tidak. Ini termasuk mana-mana kemasukan ke Hospital yang melepasi Tempoh Menunggu yang mana tarikh kemasukan adalah dalam Tempoh Menunggu dan kemasukan tersebut berterusan sehingga selepas Tempoh Menunggu, yang mana dalam kes ini keseluruhan Kehilangan Upaya tidak akan dibayar; atau
- (ii) Penyakit Tertentu yang berlaku dalam Tempoh Menunggu, sama ada disebabkan oleh Kemalangan atau tidak. Ini termasuk mana-mana kemasukan ke Hospital yang melepasi Tempoh Menunggu yang mana tarikh kemasukan adalah dalam Tempoh Menunggu dan kemasukan tersebut berterusan sehingga selepas Tempoh Menunggu, yang mana dalam kes ini keseluruhan Kehilangan Upaya tidak akan dibayar; atau
- (iii) Apa-apa Kehilangan Upaya yang berlaku dalam Tempoh Menunggu kecuali untuk Kecederaan akibat Kemalangan. Ini termasuk mana-mana kemasukan ke Hospital yang melepasi Tempoh Menunggu yang mana tarikh kemasukan adalah dalam Tempoh Menunggu dan kemasukan tersebut berterusan sehingga selepas Tempoh Menunggu, yang mana dalam kes ini keseluruhan Kehilangan Upaya tidak akan dibayar; atau
- (iv) Pembedahan atau rawatan plastik/ kosmetik, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelopak mata berganda, jerawat, keloid, parut, tonjolan kulit, gynaecomastia, alopecia tersebar/keguguran rambut, atau rawatan untuk komplikasinya; atau
- (v) Khatan, kecuali Perlu Dari Segi Perubatan untuk rawatan sesuatu Wabak; atau
- (vi) Sebarang rawatan pembetulan untuk ralat refraktif termasuk tetapi tidak terhad kepada Ortoptik, Rangsangan Visual, Keratotomi Radial, Lasik, Intralase, Zyoptics, implantasi Phakic IOL, Pembedahan ganti kanta intraokular; atau
- (vii) Semua cermin mata atau kanta lekap pembetulan, kecuali kanta intraokular monofokal dalam Pembedahan katarak. Perbelanjaan yang ditanggung untuk kanta lekap, penggunaan kosmetik topically / oral / prosedur pembedahan dan sebarang komplikasi yang timbul daripadanya; atau
- (viii) Penggunaan atau pemerolehan semua jenis prostetik luaran, peralatan luaran, atau peranti pembetulan, termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, alat bantu pendengaran, perentak jantung, pendakap gigi, ruang aero dan peralatan untuk nebulisasi, Tekanan Saluran Udara Positif Berterusan (CPAP), Dialisis Peritoneal Ambulatori Berterusan (CAPD), pad ortopedik, implan defibrilator jantung (ICD), implan koklea, dan sebarang preskripsi daripadanya atau untuknya, kecuali untuk penyewaan peralatan, peranti atau peralatan yang disediakan oleh Hospital untuk digunakan semasa Kemasukan Hospital hanya tertakluk kepada had seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat; atau
- (ix) Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan oral (kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan akibat Kemalangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Klausula Rawatan Pergigian Akibat Kemalangan terhadap gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam tempoh perlindungan); atau
- (x) Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, Penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit), ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan Penyakit berkaitan HIV (Virus Kurang Tahan Daya Penyakit Manusia) atau sekuelanya, dan sebarang Penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang; atau
- (xi) Sebarang rawatan atau penilaian untuk Penyakit Kongenital, penyakit keturunan atau perkembangan, kecacatan dan mana-mana Kehilangan Upaya atau komplikasi yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada hernia zaman kanak-kanak / hydrocele (semua hernia sehingga usia enam (6) tahun tidak dilindungi), kaki pekok, Kecacatan Ventrikular Septal (VSD), Kecacatan Atrial Septal (ASD), Talasemia, Juling, Hemangioma; atau

- (xii) Kehamilan, bersalin (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran (kecuali keguguran akibat Kemalangan di bawah perlindungan Polisi ini bagi penghamilan di bawah dua puluh lapan (28) minggu), menggugurkan kandungan secara sukarela, penjagaan pra-natal atau selepas bersalin dan sebarang pembedahan, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan dan kegagalan ereksi dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan mati pucuk atau pensterilan; atau
- (xiii) Apa-apa penjagaan atau ujian diagnostik atau rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, yang belum terbukti berkesan atau yang merupakan eksperimen atau rawatan yang belum diakui dan disetujui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengecualian ini merangkumi tetapi tidak terhad kepada rawatan sel induk, latihan berkaitan dan sebarang komplikasi yang timbul selepas itu dan jaminan darah; atau
- (xiv) Penghospitalan terutamanya untuk tujuan penyiasatan, pemeriksaan fizikal rutin, pemeriksaan kesihatan, rawatan pencegahan dan ujian diagnostik yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Kehilangan Upaya yang dilindungi; atau
- (xv) Rawatan bagi Kecederaan yang dialami semasa melakukan jenayah atau kejahatan, atau semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan mengelirukan minda, atau bunuh diri, percubaan bunuh diri atau kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; atau
- (xvi) Peperangan, rusuhan, pemberontakan, penderhakaan, kekecohan awam, letupan senjata perang, aktiviti berkaitan dengan penganasan, aktif bertugas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, peperangan nuklear, aktiviti / peperangan biologi dan kimia; atau
- (xvii) Kesan daripada radiasi atau pencemaran radioaktif daripada mana-mana sumber; atau
- (xviii) Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan mana-mana organ tubuh badan oleh Ahli yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya; atau
- (xix) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi hormon dan terapi penggantian hormon (kecuali menopause akibat pembedahan), rawatan pembedahan khusus untuk mengurangkan atau meningkatkan berat badan, hiperhidrosis; atau
- (xx) Terapi alternatif yang terdiri daripada rawatan alternatif, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akupunktur, Akutekunan, Kiropraktik, Osteopati, Refleksologi, Pembetulan Tulang, Urut, Terapi Aroma, Herba, Podiatrik, konsultasi dan rawatan dietetik, perkhidmatan/ terapi pendidikan dan Perubatan Tradisional Komplementari; atau
- (xxi) Penjagaan atau rawatan yang bayarannya tidak dikehendaki atau setakat bayaran yang dibayar oleh mana-mana insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Ahli yang Diinsuranskan dan Kehilangan Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja; atau
- (xxii) Psikitik, psikiatri, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya (kecuali manfaat seperti yang dinyatakan dalam Klausula Penyakit Mental Pesakit Dalam); atau
- (xxiii) Kos/perbelanjaan bagi perkhidmatan yang tidak bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan yang serupa, dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak, kecuali berikut:
 - yuran rekod perubatan;
 - bayaran bil insurans/ bil perkhidmatan/ bil insurans;
 - yuran pemprosesan insurans;
 - yuran pentadbiran;
 - yuran kemasukan; dan
 - kit / pek kemasukanyang ditanggung semasa Penghospitalan sahaja; atau
- (xxiv) Sakit atau Kecederaan yang timbul daripada sebarang jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada terjun udara, luncur air, aktiviti dalam air, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- (xxv) Penerbangan persendirian selain dari dalam sebarang penerbangan komersil berlesen yang berjadual untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan; atau
- (xxvi) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina; atau
- (xxvii) Terapi Pertuturan dan Pekerjaan yang bukan sebahagian daripada program pemulihan berikutan Penghospitalan akibat trauma, melainkan jika ia merupakan susulan kepada suatu Kehilangan Upaya Pesakit Dalam, tertakluk kepada had yang berkenaan; atau
- (xxviii) Sebarang suplemen / bekalan pencegahan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - vitamin / suplemen, penawar herba, anti-obesiti / ejen pengurangan berat, pelincir mata dan sebarang pembelian di kaunter kecuali ubat-ubatan yang dipreskripsikan; dan

- sabun, syampu, pembersih, krim vitamin, salap vitamin, pelembap, pelincir, anti-penuaan, rawatan pencerahan dan mana-mana produk lain yang membawa kesan yang serupa.

Klinik Pesakit Luar

Kami tidak akan membiayai sebarang manfaat yang, secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, yang disebabkan oleh mana-mana satu (1) yang berikut:

- (i) Pembedahan dan/ atau rawatan plastik/ kosmetik, termasuk tetapi tidak terhad kepada kelopak mata berganda, jerawat, keloid, parut, tonjolan kulit, gynaecomastia, alopecia tersebar/ keguguran rambut, atau rawatan untuk komplikasinya; atau
- (ii) Khatan, kecuali Perlu Dari Segi Perubatan untuk rawatan sesuatu Wabak; atau
- (iii) Sebarang rawatan pembetulan untuk ralat refraktif termasuk tetapi tidak terhad kepada Ortoptik, Rangsangan Visual, Keratotomi Radial, Lasik, Intralase, Zyoptics, implantasi Phakic IOL atau pembedahan ganti kanta intraokular; atau
- (iv) Semua cermin mata atau kanta lekap pembetulan, kecuali kanta intraokular monofokal dalam pembedahan katarak. Perbelanjaan yang ditanggung untuk kanta lekap, penggunaan kosmetik topically/ oral/ prosedur pembedahan dan sebarang komplikasi yang berbangkit daripadanya; atau
- (v) Penggunaan atau pemerolehan semua jenis prostetik luaran, peralatan luaran, atau peranti pembetulan, termasuk tetapi tidak terhad kepada anggota tiruan, alat bantu pendengaran, perentak jantung, pendakap gigi, ruang aero dan peralatan untuk nebulisasi, Tekanan Saluran Udara Positif Berterusan (CPAP), Dialisis Peritoneal Ambulatori Berterusan (CAPD), pad ortopedik, implan defibrilator jantung (ICD), implan koklea, dan sebarang preskripsi daripadanya atau untuknya, kecuali untuk penyewaan peralatan, peranti atau peralatan yang disediakan oleh Hospital atau klinik berdaftar untuk digunakan semasa rawatan Pesakit Luar hanya tertakluk kepada had seperti yang dinyatakan dalam Jadual Manfaat; atau
- (vi) Sebarang keadaan pergigian termasuk tetapi tidak terhad kepada rawatan pergigian, pembedahan oral, pembedahan ortodontik dan ortognatik; penyakit sendi temporomandibular; atau
- (vii) Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit), ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit Manusia (HIV) atau sekuelanya, dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang; atau
- (viii) Sebarang rawatan atau penilaian untuk Penyakit Kongenital, penyakit keturunan atau perkembangan, kecacatan dan sebarang Kehilangan Upaya atau komplikasi yang timbul daripadanya termasuk tetapi tidak terhad kepada hernia zaman kanak-kanak/ hydrocele (semua hernia sehingga usia enam (6) tahun tidak dilindungi), kaki pekung, Kecacatan Ventrikular Septal (VSD), Kecacatan Atrial Septal (ASD), Talasemia, Juling, Hemangioma dan sebagainya; atau
- (ix) Kehamilan, bersalin (termasuk kelahiran melalui pembedahan), keguguran (kecuali keguguran akibat kemalangan di bawah perlindungan Polisi ini bagi penghamilan di bawah dua puluh lapan (28) minggu), menggugurkan kandungan secara sukarela, penjagaan pranatal atau postnatum dan sebarang pembedahan, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuburan dan kegagalan ereksi dan ujian atau rawatan yang berkaitan dengan ketidakupayaan atau pensterilan; atau
- (x) Apa-apa penjagaan atau ujian diagnostik atau rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan, belum terbukti berkesan atau yang merupakan eksperimen atau rawatan yang belum diakui dan disetujui oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengecualian ini merangkumi tetapi tidak terhad kepada rawatan sel induk, latihan berkaitan dan sebarang komplikasi yang timbul selepas itu dan jaminan darah; atau
- (xi) Sebarang rawatan diterima semata-matanya untuk tujuan penyiasatan, pemeriksaan fizikal rutin, pemeriksaan kesihatan atau pemeriksaan perubatan yang tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis untuk Kehilangan Upaya yang dilindungi atau sebarang rawatan yang tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan sebarang Rawatan Pencegahan, ubat pencegahan atau ujian yang dilakukan oleh Pakar Perubatan atau Pakar, kecuali untuk manfaat yang dibayar bawah Prosedur Diagnostik dan pemeriksaan pap smear yang dinyatakan; atau
- (xii) Rawatan bagi Kecederaan Tubuh Badan yang dialami semasa melakukan jenayah atau kejahatan, atau semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, atau bahan yang mengelirukan minda, atau bunuh diri, percubaan bunuh diri atau Kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; atau
- (xiii) Peperangan, rusuhan, pemberontakan, penderhakaan, kekecohan awam, letupan senjata perang, aktiviti berkaitan dengan penganasan, aktif bertugas dalam sebarang angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, peperangan nuklear, aktiviti/ peperangan biologi dan kimia; atau
- (xiv) Kesan daripada radiasi atau pencemaran radioaktif daripada sebarang sumber; atau
- (xv) Perbelanjaan yang ditanggung untuk pendermaan sebarang organ tubuh badan oleh Ahli yang Diinsuranskan dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika transplan organ dan komplikasinya; atau

- (xvi) Penyiasatan dan rawatan gangguan tidur dan dengkur, terapi hormon dan terapi penggantian hormon (kecuali menopause akibat pembedahan), rawatan pembedahan khusus untuk mengurangkan atau meningkatkan berat badan, hyperhidrosis dan sebagainya; atau
- (xvii) Terapi alternatif yang terdiri daripada rawatan alternatif, perkhidmatan atau bekalan perubatan, termasuk tetapi tidak terhad kepada Kiropraktik, Kiropodi, Homeopati, Osteopati, Akupunktur, Akutekan, Refleksologi, Pembetulan Tulang, Urut, Terapi Aroma, Herba, Podiatrik, Konsultasi dan rawatan Dietetik, perkhidmatan/ terapi pendidikan dan Perubatan Komplementari Tradisional dan sebagainya; atau
- (xviii) Penjagaan atau rawatan yang bayarnya tidak dikehendaki atau setakat bayaran yang dibayar oleh sebarang insurans lain atau tanggung rugi yang melindungi Ahli yang Diinsuranskan dan Hilang Upaya yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Insurans Pampasan Pekerja; atau
- (xix) Psikitik, psikiatri, gangguan mental atau saraf (termasuk sebarang neurosis dan manifestasi fisiologi atau psikosomatiknya); atau
- (xx) Kos/ perbelanjaan bagi perkhidmatan yang tidak bersifat perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan teleks, radio atau kemudahan yang serupa, dan barang bukan perubatan lain; atau
- (xxi) Penyakit atau Kecelakaan yang timbul daripada sebarang perlumbaan (kecuali perlumbaan kaki), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada penerjunan udara, luncur air, aktiviti dalam air, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang menyalahi undang-undang; atau
- (xxii) Penerbangan swasta selain dalam sebarang penerbangan komersil berlesen yang berjadual untuk membawa penumpang melalui laluan yang ditetapkan; atau
- (xxiii) Perbelanjaan yang ditanggung untuk menukar jantina; atau
- (xxiv) Terapi pertuturan dan pekerjaan; atau
- (xxv) Sebarang suplemen pencegahan/ bekalan termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
 - vitamin / suplemen, penawar herba, anti-obesiti / ejen pengurangan berat, pelincir mata dan sebarang pembelian di kaunter kecuali ubat-ubatan yang dipreskripsikan; dan
 - sabun, syampu, pembersih, krim vitamin, salap vitamin, pelembap, pelincir, anti-penuaan, rawatan pencerahan dan sebarang produk lain yang membawa kesan yang serupa; atau
- (xxvi) Kehilangan Upaya kanak-kanak yang baru dikandung sebelum atau semasa kelahiran atau dalam tempoh empat belas (14) hari selepas itu; atau
- (xxvii) Ujian darah dan ujian alergi topikal; atau
- (xxviii) Terapi pemulihan Pesakit Luar, kemoterapi, terapi radiasi dan dialisis buah pinggang, penyakit kronik termasuk tetapi tidak terhad kepada Hepatitis B dan pembawa C, gangguan saraf/ penyakit degeneratif, endometriosis, myelitis melintang; atau
- (xxix) Vaksin Pencegahan kecuali yang dinyatakan di bawah Peruntukan Imunisasi Mandatori sahaja dan boleh dituntut di bawah Rawatan Klinikal Pesakit Luar; atau
- (xxx) Rawatan/ pemberian ubat yang tidak konsisten dengan diagnosis; atau
- (xxxi) Panggilan Doktor untuk melawat rumah atau lawatan rumah oleh Doktor atas sebarang sebab; atau
- (xxxii) Pengambilan ubat semasa untuk Ahli yang Diinsuranskan bagi tempoh lebih daripada satu (1) bulan.

Manfaat Pergigian

Kami tidak akan membiayai sebarang manfaat yang, secara langsung atau tidak, sepenuhnya atau sebahagiannya, yang disebabkan oleh mana-mana satu (1) yang berikut:

- (i) Rawatan Pergigian yang mana bayaran tidak diperlukan atau yang dibayar oleh insurans lain atau indemniti yang melindungi Ahli yang Diinsuranskan; atau
- (ii) Pembedahan oral (rongga mulut) yang memerlukan ketetapan tulang patah dan dislokasi dan lain-lain tidak tersedia secara khusus di bawah Jadual Manfaat; atau
- (iii) Menyediakan ubat-ubatan untuk rawatan penyakit oral (rongga mulut) kecuali dinyatakan disediakan di bawah Jadual Manfaat; atau
- (iv) Penggantian akibat tidak dapat dijumpai, hilang atau gigi palsu yang dicuri atau pegangan untuk gigi palsu dan alatan prostetik lain; atau
- (v) Penggantian peralatan-peralatan prosthodontik sedia ada melebihi lima (5) tahun, melainkan jika alat sedia ada tidak boleh diperbaiki atau Perlu dari segi Perubatan; atau
- (vi) Rawatan pergigian dan peralatan-peralatan yang sesuai dengan taraf kesenian gigi tidak diperlukan dari sudut pandangan pergigian; atau yang tidak disyorkan atau tidak diluluskan oleh Doktor Gigi yang merawat, atau yang tidak diterima sebagai piawai kesenian pergigian; atau
- (vii) Rawatan pergigian yang dilakukan terutama untuk tujuan estetik termasuk transformasi atau ekstraksi dan penggantian gigi yang sihat dalam rangka untuk mengubah penampilan; atau
- (viii) Perkhidmatan Prostetik (termasuk pembentukan jambatan dan korona) yang bermula sebelum Tarikh Kelayakan; atau

- (ix) Kos untuk penempatan awal gigi palsu separa atau penuh atau untuk pegangan gigi palsu jika ia melibatkan penggantian satu atau lebih gigi asli yang hilang atau hilang sebelum Tarikh Kelayakan; atau
- (x) Rawatan Pergigian yang diperlukan berikutan Kecederaan Ahli yang Diinsuranskan yang sengaja ditimbulkan pada dirinya sendiri, sama ada semasa berfikiran waras ataupun tidak; atau
- (xi) Kos yang diinvois oleh seorang Doktor Gigi bagi temu janji yang tidak dihadiri oleh Ahli yang Diinsuranskan atau untuk mengisi borang tuntutan yang diperlukan oleh Ahli yang Diinsuranskan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan yang diperlukan oleh Kami; dan juga untuk masa perjalanan, kos pengangkutan dan kaunseling yang diberikan melalui khidmat telekomunikasi; atau
- (xii) Kos yang diinvois oleh Doktor Gigi untuk suatu plan rawatan, sama ada untuk masa tambahan bagi penjelasan kerumitan rawatan, atau bagi bahan diagnostik berasal dari sumber lain untuk konsultasi di antara Orang yang Diinsuranskan dengan Doktor Gigi lain tersebut; atau
- (xiii) Kos yang diinvois oleh Doktor Gigi untuk analisis diet pencernaan, cadangan untuk penggunaan awal, penerangan semula mengenai kebersihan oral dan program pengendalian plak, atau untuk sebarang peralatan perlindungan olahraga atau produk/bekalan pergigian yang berkaitan; atau
- (xiv) Penjagaan gigi yang berkaitan dengan implan kecuali yang ditentukan dalam Jadual Manfaat; atau
- (xv) Rawatan di luar rangkaian Panel Klinik Pergigian yang disediakan melainkan telah ditetapkan dalam Jadual Manfaat; atau
- (xvi) Perkhidmatan pergigian lain yang tidak secara khusus dinyatakan dalam Jadual Manfaat; atau
- (xvii) Peperangan, rusuhan, pemberontakan, penderhakaan, kekecohan awam, letupan senjata perang, aktiviti berkaitan dengan penganasan, aktif bertugas dalam sebarang angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, peperangan nuklear, aktiviti/ peperangan biologi dan kimia.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi dan Kontrak Tambahan (jika ada) untuk terma-terma dan syarat-syarat yang lengkap di bawah Polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Sekiranya Anda mendapati Polisi ini tidak lagi sesuai, Anda boleh membatalkannya dengan memberi notis bertulis empat belas (14) hari. Jika tidak ada tuntutan dibuat, satu premium yang diproratakan akan dibayar kepada Anda.

8. Apakah perlu saya buat sekiranya maklumat perhubungan saya telah bertukar?

Ia adalah penting untuk Anda memberitahu Kami tentang penukaran butiran perhubungan Anda, termasuk alamat Anda, bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada Anda pada masa yang tepat.

9. Bagaimanakah cara saya membuat tuntutan?

Anda boleh melayari www.allianz.com.my untuk panduan tuntutan. Anda dinasihatkan supaya mengemukakan tuntutan Anda (jika ada) secepat mungkin.

10. Di manakah boleh saya dapat maklumat lanjut?

Sekiranya Anda memerlukan maklumat tambahan, sila melayari www.mycoverage.my/insurans_hayat/.

Sekiranya Anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Kami di:

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(dilesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan diatur oleh Bank Negara Malaysia)

Allianz Customer Service Center

Allianz Arena

Ground Floor, Block 2A

Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5

Kuala Lumpur Sentral

50470 Kuala Lumpur

Customer Contact Centre : 1 300 22 5542

Emel : customer.service@allianz.com.my

11. Adakah perlindungan lain yang sama seperti pelan ini ditawarkan?

Sila hubungi Kami sekiranya Anda berminat untuk mengetahui tentang perlindungan yang serupa yang ditawarkan oleh Kami.

Allianz Life Insurance Malaysia Berhad (1983010008983)

(Licensed under the Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia)

NOTIS PENTING:

ANDA MESTI MEMILIH JENIS POLISI YANG SESUAI DENGAN ORGANISASI ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PERANTARA ATAU MENGHUBUNGI KAMI SECARA LANGSUNG UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)..

Notis penting lain:

1. Anda seharusnya memastikan Anda berpuashati bahawa Polisi dapat memenuhi keperluan organisasi Anda dan Anda berkemampuan untuk membayar premium yang akan dibayar di bawah Polisi.
2. Perlindungan insurans hanya akan berkuatkuasa mulai Tarikh Berkuatkuasa Polisi mengikut terma dan syarat yang dipersetujui/ dicatatkan.
3. Anda dinasihatkan untuk menyimpan resit sebagai bukti pembayaran premium.
4. Jangka masa standard bagi Kami mengeluarkan Polisi ialah dua belas (12) hari bekerja dari tarikh penyerahan dan penerimaan dokumen yang lengkap.
5. Penggantian Polisi hayat atau perubahan dan kesihatan sedia ada dengan Polisi yang baru mungkin tidak membawa manfaat. Jika Anda merancang untuk berbuat demikian, Kami mencadangkan Anda mendapatkan nasihat dari syarikat insurans Anda sebelum membuat keputusan muktamad.
6. Sekiranya sebarang cukai jualan dan perkhidmatan, cukai nilai tambah atau sebarang cukai yang serupa dan sebarang duti, cukai, levi, atau apa-apa jua impos (dirujuk secara kolektif sebagai "Cukai Berkenaan") yang diperkenalkan oleh sebarang pihak berkuasa dan perlu dibayar di bawah undang-undang Malaysia yang berkaitan dengan pembekalan sebarang barangan dan/atau perkhidmatan yang dibuat atau dianggap telah dibuat di bawah Polisi ini, Kami berhak mengenakan sebarang Cukai Berkenaan yang dibenarkan oleh undang-undang Malaysia. Cukai Berkenaan yang perlu dibayar akan dibayar sebagai tambahan kepada premium dan caj-caj lain yang berkenaan. Semua peruntukan dalam Polisi ini mengenai pembayaran premium dan keingkaran (jika ada) akan turut digunapakai dengan Cukai Berkenaan.

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah berkuatkuasa pada Tarikh Berkuatkuasa Polisi ini.